

# Halaman Persuratan

# BAHASA MELAYU

-----\*-----\*-----

Penulis makalah ini seorang ahli bahasa dan telah menunjukkan usaha-usahanya di dalam persuratan bahasa Melayu bukannya setahun dua tetapi telah menjalankan usahanya dua tiga puluh tahun dahulu. Ia adalah seorang wartawan tua yang cukup berpengalaman yang dapat dibuktikan daripada susunan bahasanya yang terang dan mudah difaham itu dan kita dengan gembira menyebut tulisan ini dengan menghargakannya dengan setinggi-tinggi penghargaan yang dengannya diharap mudah-mudahan penulis-penulis yang telah berpengalaman seperti keadaan penulis rencana ini akan sama-sama ke tengah. Bagi mereka-mereka yang telah membaca akhbar-akhbar Melayu sebelum perang dahulu tentu tidak lupa membaca tulisan "Musyfa" yang dengannya tidak payah kita mengenalkannya lagi tetapi memadailah pembaca-pembaca menatap dan menghalusi kandungannya dengan sama - P.

(oleh Musyfa')

Sekalian penduduk-penduduk Semenanjung Tanah Melayu ini yang bermacam-macam bangsa dan agama memang diketahui sekarang bahawa surat-surat perjanjian setia atau *treaty* di antara kerajaan British yang menaungi Persekutuan Tanah Melayu (atau Federation of Malaya) ini dengan raja-raja Melayu yang punya negeri-negeri Melayu ini dibuat di dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dan kedua-dua bahasa ini sahajalah dijadikan bahasa-bahasa rasmi bagi kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ini.

Adapun sebab bahasa Inggeris itu dijadikan juga bahasa rasmi ialah kerana surat-surat perjanjian yang tersebut tadi itu dibuat di dalam bahasa Inggeris selain daripada bahasa Melayu dan undang-undang negeri di dalam bahasa Inggeris dan Melayu juga dan selain daripada itu pula kerana setengah daripada pegawai-pegawai kerajaan British yang baharu tiba dari England kebanyakannya belum tahu bahasa Melayu, tetapi mereka itu diwajibkan belajar bahasa Melayu di Malaya, dan lagi pula bahasa Inggeris amat berguna di sisi ahli-ahli perniagaan

seperti bank-bank, lawyer-lawyer, engineer-engineer, doktor-doktor dan buku-buku pelajaran ilmu-ilmu tinggi dan lain-lainnya serta berkaitan pula dengan hal-hal perniagaan di luar negeri.

Dipendekkan kata bahawa bahasa Melayu dirasmikan itu wajib dipelajari atau diketahui oleh semua bangsa-bangsa yang bukan Melayu sama ada peranakan Tanah Melayu ini atau yang datang menumpang duduk berniaga di Tanah Melayu ini, dengan sekurang-kurangnya hendaklah ia pandai bercakap Melayu yang boleh difahamkan.

Bahasa Melayu di sisi orang-orang Inggeris sememang telah ada beberapa orang daripada mereka itu yang pandai di dalam bahasa Melayu dari semenjak mereka itu datang ke Malaya lebih kurang 150 tahun dahulu, terkecualilah mereka yang belum pernah menjejak kakinya di atas bumi Malaya ini, tetapi walaupun begitu sebelum berlaku peperangan besar dunia yang kedua itu. Apatah lagi sekarang ini bahawa bahasa Melayu ada dipelajari di England terutama sekali mereka yang hendak datang ke Malaya. Kira-kira 48 tahun dahulu, penulis telah biasa juga

mengajar bahasa Melayu kepada beberapa orang Inggeris di Singapura. Dan juga di Kelantan antara tahun 1922 dan 1941 tiada berapa hari sebelum Jepun menyerang Kelantan telah penulis menjadi guru bahasa Melayu kepada beberapa orang Inggeris lelaki dan perempuan, setengah daripada mereka itu walaupun baharu sehari dua sampai dari England, sudah boleh bercakap Melayu sedikit-sedikit dengan susunan bahasa Melayu yang betul, dan bila ditanya maka dijawabnya yang ia sudah belajar bahasa Melayu sedikit-sedikit di tanah airnya.

Sekarang kita tahu bahawa bahasa Melayu ada berharga, maka oleh yang demikian wajiblah kita anak-anak Melayu menaikkan mutu bahasa Melayu kita di semenanjung ini dengan membetulkan susunan dan tertib bahasa Melayu kita, kerana mengikut kata tua Melayu “bahasa menunjukkan bangsa”. Janganlah hendaknya bahasa Melayu kita dipercampuradukkan oleh kita sendiri dengan menurut apa sahaja yang terkeluar dari mulut asalkan difaham orang jadilah! Terutama sekali di dalam bahasa persuratan wajiblah kita lebih cermat lagi.

Walaupun tiap-tiap sepetah perkataan Melayu itu kita yang sememang Melayu dan orang-orang dari bangsa-bangsa lain pun tahu ertinya, akan tetapi bila perkataan-perkataan itu disusun atau dirungkaikan menjadi suatu ayat, maka di situlah datang pengertian yang dikehendaki atau yang ditentukan, tetapi jika tidak sempurna susunan atau ikatannya itu nescaya berlainanlah maknanya atau tidak bermakna sekali-kali. Dan lagi hendaklah kita ingat bahawasanya apa-apa yang telah ditulis itu maka itulah kekal pada pandangan orang ramai selagi tulisan itu tidak binasa, berlainanlah daripada sebutan atau cakapan mulut yang tidak meninggalkan bekas hitam putih di atas kertas atau seumpamanya.

Seperkara lagi yang penulis kerap kali dengan dan perhatikan, iaitu kebanyakan orang-orang Melayu tatkala bercakap bahasa Melayu dengan orang-orang yang bukan Melayu, suka sangat

mereka itu (orang-orang Melayu) menggunakan perkataan-perkataan dengan susunan yang tidak betul asakan cepat difaham oleh bangsa-bangsa asing itu dan kadang-kadang pula disuntingkannya dengan perkataan-perkataan dagang ataupun menurut cara bangsa dagang itu bercakap Melayu misalnya ia berkata -

“Ini rumah saya punya bapa punya” - Ini salah walaupun mudah difahamkan, tetapi yang betul ialah “Rumah ini rumah bapa saya.” Ada pun perkataan-perkataan ini - itu dan punya , itu tertentu tempat letaknya seperti “Rumah ini” - “rumah itu”. Dan seperti bertanya: “Rumah siapa ini?” (Digantikan daripada berkata - “Siapa punya ini rumah?”)

Jika kita orang-orang Melayu sendiri bercakap bahasa Melayu dengan orang-orang yang bukan Melayu dengan tidak betul susunan atau ikatan tertib bahasa Melayu, nescaya mereka itu mengikut kesalahan yang demikian kerana disangkakan betul. Bangsa-bangsa dagang itu sangat harus pula mengarang buku-buku pelajaran bahasa Melayu yang tidak senonoh itu bagi penggunaan anak-anak bangsa mereka itu masing-masing dan oleh sebab bilangan semua bangsa-bangsa dagang yang ada di Malaya ini dijumlahkan tentulah lebih banyaknya daripada kita umat Melayu se-Malaya dan tambahan lagi lebih banyaklah bangsa-bangsa mereka itu yang berkemajuan di dalam serba serbi keadaan daripada bangsa kita. Tidakkah lama-kelamaan kelak bertambah kembang bahasa Melayu campur aduk di Malaya, kerana didapati oleh mereka itu bahawa bahasa Melayu sangat mudah dipelajari kerana tidak berperaturan yang tetap, asakan boleh difaham orang memadailah. Sesungguhnya di sinilah kelak jatuh mutu bahasa Melayu yang molek ke darjat yang jelek (hodoh).

Walaupun bahasa kita Melayu tiada bernahu yang khas seperti bahasa-bahasa lain, akan tetapi susunan dan ikatan perkataan-perkataan dan ayat-ayat yang teratur sememang sudah ada terjadi sendiri dari semenjak zaman-zaman dahulu lagi.

Di sini patutlah diingatkan lagi berkenaan dengan bahasa Melayu di semenanjung ini, bahawa tiap-tiap satu peri bahasa, pepatah (pemunya atau bidal), pantun dan sindiran adalah berlainan-lainan sedikit sebanyak susunannya dengan mengandungi rahsia erti dan tujuannya serta masa dan tempat-tempatnya yang tertentu. Di bawah ini adalah diberi satu ayat bahasa Melayu yang berlain-lainan erti dengan ditentukan tempat memakainya:-

1 - "Oh! Ini kelapa tebal sabut" - Ertinya menurut perkataan-perkataan yang disebutkan ialah kelapa yang keadaannya besar dan bila dibuang sabutnya baharulah didapati isinya kecil, akan tetapi boleh dijadikan suatu bidal pada sesuatu benda yang lain ataupun seorang yang besar tinggi tubuhnya dan nampaknya gagah perkasa, tetapi orang itu kecut hatinya, yakni penakut, atau seorang yang berpakaian molek bersifat seperti seorang kaya, akan tetapi yang sebenarnya ia bukan kaya dan harus miskin, ataupun seorang yang berkelakuan seperti

seorang lebai atau seorang alim dan pelajaran kepandaian tinggi tetapi ianya jahil tiada apa isi di dadanya. Bidal ini boleh dikiaskan pada beberapa keadaan-keadaan yang lain lagi yang menipu pandangan.

2 - Jangan orang itu diserang-serangkan, ianya "kelapa tebal sabut" (boleh ditambah dengan kata, "dihempas tak pecak, dilontar ke laut tak tenggelam") - ertinya seorang yang dhaif rupanya atau miskin atau hina atau sebarang sifat lemah atau kekurangan, maka janganlah sesiapa melakukan sesuatu kejahatan di atasnya kerana orang itu ada ramai sanak-saudaranya atau kerabat atau sahabat-handainya yang kelak menyebelahnya dan menuntut bela kerananya.

Sekadar inilah sahaja jejak langkah kalam penulis bagi sementara. Wassalam.

(bersambung)

**S.K. ABDUL RAHMAN**  
**463, Jalan Al-Sagoff,**  
**Pontian, Johore**

*Penjual bermacam-macam majalah, buku-buku cerita, barang-barang dalam tin, alat-alat tulis-menulis, buku-buku sekolah, ubat-ubat dan lain-lain, wakil penjual majalah dan buku-buku keluaran Qalam.*

*Silalah melawat ke kedai kita. Menunggu dengan segala hormat atas kedatangan tuan.*

## **Seruan Universiti Islam Indonesia**

*Jabatan setiausaha bagi Universiti Islam*

*Indonesia di Jogja di dalam suratnya kepada Qalam menyampaikan bahawa mereka adalah sangat berhajat kepada buku-buku pengetahuan daripada berbagai-bagai bahasa bagi digunakan di dalam kutub khanah universiti ini yang berdiri dengan tenaga sendiri jua. Sesiapa daripada kaum muslimin khasnya yang suka hendak menghadihkan buku-buku yang tersebut kerana universiti itu hantarkanlah kepada Qalam atau terus kepada jabatan setiausaha itu yang alamatnya seperti di bawah ini: -*

**Sekretariat**  
**Universiti Islam Indonesia**  
**Djalan Ngabian No. 15**  
**Djogyakarta.**